

BULETIN TSHO

INSTUN, BEHRANG ULU, TANJUNG MALIM, PERAK



KARNIVAL FALAK PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA NEGERI PERAK
SMKA SLIM RIVER

Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO)


PENULIS: SR ZAKARIA ABDULLAH & SR FAUZANI BINTI AZAM

TSHO, INSTUN

Rekabentuk TSHO, INSTUN terdiri daripada sebuah bangunan dua tingkat dengan dilengkapi tiga (3) lokasi cerapan objek langit iaitu *dome*, *roll off roof* dan dataran cerapan. Konsep rekabentuk balai cerap ini diinspirasi daripada Scottish Dark Sky Observatory yang terletak di Scotland.

TSHO telah dibina di atas tapak seluas 9621.69m² dengan keluasan bangunan adalah 840.31m². TSHO telah siap sepenuhnya pada 5 Julai 2023 dan telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan pada 3 Oktober 2023.

STRUKTUR MATAHARI



- Teras: Zon teras di mana proses fusi nuklear berlaku, menghasilkan tenaga.
- Zon Radiatif: Tenaga bergerak perlahan-lahan keluar dari inti melalui radiasi.
- Zon Konvektif: Tenaga dipindahkan ke permukaan melalui aliran konveksi.
- Fotosfera: Lapisan cahaya yang dapat dilihat, dengan tompok matahari dan granulasi.
- Kromosfera: Lapisan gas di atas fotosfera, selalu dilihat semasa gerhana.
- Korona: Atmosfera luar yang panas dan luas, yang meluas berjuta-juta kilometer ke angkasa.

STRUKTUR MATAHARI

Kredit: [Nota Kursus Astronomi dan Sains Angkasa](#)

SEMINAR FALAK PERINGKAT NEGERI
PERAK @ HOTEL CASUARINA MERU IPOH



Tinta Penulis

BULETIN DIGITAL TSHO menjemput para penulis untuk menyumbang penulisan berkaitan Astronomi dan Sains Angkasa. Penulisan hendaklah tidak lebih dari 500 patah perkataan dan dihantar ke zakaria@instun.gov.my. Penulisan yang terpilih akan menerima saguhati dan diterbitkan di ruangan Tinta Penulis.

Untuk maklumat lanjut, hubungi:

Sr Zakaria bin Abdullah
zakaria@instun.gov.my
019-3220274

CERAPAN ZUHAL DI TSHO PADA 25 JULAI
2014 JAM 4.00 PAGI BERSAMA PENGARAH
INSTUN DAN JABATAN MUFTI NEGERI
PERAK



KURSUS ASTRONOMI DAN SAINS
ANGKASA

Seramai 26 peserta telah hadir ke kursus Astronomi dan Sains Angkasa di TSHO, INSTUN



FAKTA ASTRO



PLANET UTARID

Utarid adalah planet yang paling hampir dengan Matahari dan juga planet terkecil dalam sistem suria kita, dengan diameter hanya sekitar 4,880 kilometer. Utarid mengambil masa sekitar 88 hari Bumi untuk mengelilingi Matahari. Tempoh ini menjadikan orbitnya yang paling pendek antara semua planet dalam sistem suria. Planet ini mempunyai rotasi yang sangat perlahan. Ia mengambil masa kira-kira 59 hari Bumi untuk satu pusingan lengkap pada paksinya. Ini bermakna, satu hari di Utarid (dari matahari terbit ke matahari terbit seterusnya) adalah lebih panjang berbanding setahun di planet tersebut. Permukaan Utarid dipenuhi dengan kawah-kawah yang terbentuk akibat daripada hentaman asteroid dan komet. Utarid telah diperhatikan sejak zaman purba, tetapi kajian mendalam hanya dimulakan dengan misi ruang angkasa seperti Mariner 10 dan MESSENGER (Mercury Surface, Space Environment, Geochemistry, and Ranging).